

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah butiran perbelanjaan atau pelaburan 1MDB hasil pinjaman RM4 bilion daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP).

JAWAPAN

1MDB tidak pernah membuat pinjaman sebanyak RM4 bilion daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen atau kini dikenali sebagai Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
DARIPADA [GOMBAK]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah butiran kegagalan YTL untuk memenuhi kontrak Projek 1BestariNet dan sebab-sebab kegagalannya.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga tamat tempoh kontrak asal pada Jun 2014, YTL telah merangkaikan 8,886 daripada 9,889 sekolah dengan talian internet di bawah projek 1BestariNet. Kelewatan pemasangan baki sekolah adalah disebabkan oleh:

1. Lewat / belum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan tanah untuk membina menara telekomunikasi
2. Mendapat bantahan masyarakat setempat.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu akur dengan keperluan PBT supaya pembinaan sentiasa selamat dan tidak menjelaskan keselesaan masyarakat setempat. Bagi menangani isu bantahan masyarakat setempat, KPM telah mengadakan sesi perbincangan dan penjelasan bersama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan Agensi Nuklear Malaysia bersama ahli masyarakat setempat supaya mereka memahami tahap risiko yang dihadapi dan bersetuju dengan pembinaan menara telekomunikasi yang berkenaan.

Antara isu utama yang dibangkitkan adalah kebimbangan kesan radiasi daripada menara pemancar oleh masyarakat setempat walaupun telah di sahkan oleh SKMM sebagai sangat minimum dan tidak berbahaya. KPM akan terus mengadakan rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan untuk memastikan semua sekolah yang belum dirangkaikan akan dirangkaikan dengan 1BestariNet Fasa 2.